

GEOGRAFI TINGKATAN 1 CIKGU IQMAL

GEOGRAFI TINGKATAN 1			
BAB	TOPIK	TARIKH	CATATAN
1	ARAH		
2	KEDUDUKAN		
3	PETA LAKAR		
4	LAKARAN PETA MALAYSIA		
5	BUMI		
6	BENTUK MUKA BUMI		
7	SALIRAN		
8	PENDUDUK DI MALAYSIA		
9	PETEMPATAN DI MALAYSIA		
10	BENTUK MUKA BUMI DAN SALIRAN DI ASIA TENGGARA		
11	PENDUDUK DAN PETEMPATAN DI ASIA TENGGARA		
12	SUMBER AIR		
13	SISA DOMESTIK		

Bahagian A: SOALAN OBJEKTIF**Jawab semua soalan**

1. Antara berikut, manakah jenis-jenis petempatan yang terdapat di Malaysia

- I Petempatan bandar
- II Petempatan pedalaman
- III Petempatan antara bandar
- IV Petempatan luar bandar

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

2. Berdasarkan maklumat di bawah ia merujuk kepada ciri-ciri petempatan jenis apa?

- Jumlah penduduk melebihi 10 000 orang
- Mempunyai pelbagai kemudahan asas
- Kawasan kediaman berciri moden


- A Petempatan desa
- B Petempatan eksklusif
- C Petempatan alaf baru
- D Petempatan bandar

3. Antara berikut, manakah kegiatan ekonomi yang biasanya terdapat di kawasan petempatan bandar?

- I Pentadbiran
- II Perindustrian
- III Penternakan
- IV Perikanan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

4. Berdasarkan ciri-ciri petempatan dalam **Rajah 1** di bawah, apakah jenis petempatan **X**?



Rajah 1

- A Petempatan desa
B Petempatan luar bandar
C Petempatan tidak terancang
D Petempatan semulajadi
5. Berdasarkan **Foto 1** di bawah, kegiatan ekonomi berikut biasanya terdapat di kawasan petempatan jenis apa?




Foto 1

- A Petempatan prima
B Petempatan berkelompok
C Petempatan luar bandar
D Petempatan ladang

6. Apakah maksud pola petempatan?
- A Kepadatan penduduk di sesuatu kawasan
 - B Reka bentuk kediaman yang moden ataupun tradisional
 - C Kedudukan sesebuah petempatan itu di dalam peta topografi
 - D Corak atau reka bentuk susunan kawasan kediaman manusia di sesuatu kawasan
7. Antara berikut pernyataan manakah yang **benar** tentang pola petempatan berpusat?
- I Rumah dibina secara rapat di sesuatu kawasan yang menjadi tumpuan penduduk
 - II Biasanya terdapat di kawasan persimpangan jalan raya atau taman perumahan
 - III Kedudukan sebuah rumah dengan sebuah rumah yang lain adalah berjauhan
 - IV Susun aturnya adalah secara terancang dan sistematik
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV


Soalan 8 adalah berdasarkan **Peta 1** di bawah.



Peta 1

8. Antara berikut, lokasi manakah yang sesuai dikaitkan dengan petempatan dalam **Peta 1** di atas?
- A Kundasang (Sabah)
 - B Felda Trolak (Perak)
 - C Bandar Tun Razak (Kuala Lumpur)
 - D Bukit Tinggi (Pahang)

9. Antara berikut pernyataan manakah yang **benar** tentang pola petempatan berjajar?
- A Rumah dibina secara terancang di pinggir jalanraya
 - B Rumah berjauhan antara satu sama lain di pinggir pantai
 - C Rumah kelihatan tersusun secara deretan dan seragam di sepanjang sungai
 - D Susun atur kediaman bertaburan dan tidak seragam
10. Berdasarkan **Rajah 2** di bawah, apakah pola petempatan **X** ?



Rajah 2: Pola petempatan **X**

- A Pola petempatan ladang
 - B Pola petempatan berselerak
 - C Pola petempatan kebun getah
 - D Pola petempatan desa
11. Antara berikut pernyataan manakah yang **benar** tentang pola petempatan berkelompok?
- I Kediaman di bina di kawasan tanah tinggi
 - II Rumah di bina selari dan seragam di pinggir pantai
 - III Susun atur rumah adalah secara berkelompok atau terancang
 - IV Ia juga terdapat di kawasan Felda seperti Felda Sahabat (Sabah)
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

12. Antara berikut, kombinasi manakah yang **benar** antara pola petempatan dengan lokasinya?

	Pola Petempatan	Lokasi
A	Berpusat	Bandar Tun Razak (Kuala Lumpur)
B	Berkelompok	Sepanjang pantai Kuala Besut (Terengganu)
C	Berselerak	Felda Air Tawar (Johor)
D	Berjajar	Bukit Tinggi (Pahang)

13. Antara berikut, manakah kegiatan ekonomi yang boleh dikaitkan dengan pola petempatan berselerak?

- A** Perladagan getah di kawasan FELDA
- B** Perikanan pinggir pantai
- C** Pekebun kecil getah
- D** Perindustrian

14. Berdasarkan lokasi di bawah, apakah fungsi bandar berikut?

• Klang (Selangor) • Teluk Sepanggar (Sabah) • Pasir Gudang (Johor)

- A** Bandar pertahanan
- B** Bandar perindustrian
- C** Bandar pelancongan
- D** Bandar pelabuhan

15. Berdasarkan **Foto 2** di bawah, apakah fungsi bandar tersebut?



Foto 2: Bandar Lumut (Perak)

- A** Bandar pelabuhan
- B** Bandar pertahanan
- C** Bandar sempadan
- D** Bandar Diraja